



Rujukan : ANM.NS.100 – 1/5/3 JLD.2(8)

Tarikh : 5 Ogos 2024

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
KERAJAAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN BIL. 2 TAHUN 2024 : PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*) PEMBAYARAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN DI SISTEM iGFMAS.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan, JANM bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-15/4/6(8) bertarikh 24 Julai 2024 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan Strategi dan Garis Masa Pelaksanaan *Second Validation* yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan JANM pada 4 Julai 2024 iaitu setelah mengambil kira proses pemurnian data yang telah dilaksanakan oleh Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta pengujian integrasi sistem dengan pihak Bank Utama, ***Second Validation* pembayaran Kerajaan di sistem iGFMAS bagi Nombor Kad Pengenalan di bawah entiti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan dilaksanakan secara berperingkat dalam enam (6) fasa mengikut bank dan Pejabat Perakaunan.** Pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti JPN) akan bermula dengan fasa pertama pada tahun 2024 disusuli dengan lima (5) fasa yang akan dilaksanakan pada tahun 2025 dan 2026.

3. Arahan Operasi ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 8 April 2022 yang menyatakan pengesahan tambahan iaitu *Second Validation* berlaku di sistem bank penerima bayaran. Pengesahan identiti penerima bayaran akan dibuat berdasarkan kepada **nombor akaun bank** dan **Nombor Kad Pengenalan** penerima bayaran yang terdapat di dalam iGFMAS berbanding dengan sistem bank. Justeru, **PTJ hendaklah memastikan Nombor Kad Pengenalan penerima bayaran yang terdapat di iGFMAS dan sistem bank adalah sama agar pembayaran dapat dikreditkan ke akaun bank penerima sebenar dan tiada penolakan *Electronic Fund Transfer - EFT (rejection)*.**

4. Pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti JPN) adalah seperti berikut :

4.1 Tarikh Pelaksanaan

Bermula pada ~~2 September 2024 (Fasa 1)~~ melibatkan bank pembayar dan bank penerima bayaran dengan Pejabat Perakaunan secara berperingkat.

4.2 Tatacara Pengendalian Penolakan Bayaran EFT

Pengendalian penolakan bayaran melalui EFT hendaklah mematuhi Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pindahan EFT Ditolak/Cek Terbatal di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) Tatacara Pengurusan Bayaran yang berkuatkuasa. **PTJ bertanggungjawab mengambil tindakan seperti berikut :**

- i. Bagi penolakan disebabkan oleh pelaksanaan *Second Validation*, pengemaskinian maklumat nombor kad pengenalan hendaklah dibuat SEGERA di sistem iGFMAS (oleh PTJ) ataupun di sistem bank (oleh penerima bayaran); dan
- ii. Penggantian penolakan EFT hendaklah disempurnakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen sokongan lengkap diterima.

PTJ bertanggungjawab untuk membuat penggantian EFT dengan kadar SEGERA berdasarkan dokumen sokongan yang lengkap bagi memastikan pembayaran dapat disempurnakan kepada penerima yang sebenar serta mengelakkan aduan susulan daripada pelaksanaan *Second Validation* ini.

5. Sebarang pertanyaan berkenaan pengemaskinian Data Induk Maklumat Pembekal di Portal iGFMAS pihak PTJ boleh menghubungi Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan JANMNS di talian 067686851 / 6852 manakala bagi urusan penolakan dan penggantian EFT Ditolak/CekTerbatal, pihak PTJ boleh menghubungi Unit Akaun JANMS di talian 067686875 / 6890.

6. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 8 April 2022 untuk makluman dan rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSNANI BINTI MOHAMAD@AHMAD C.A(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan